



Disediakan oleh:

**MAZLIANA MUSTAPA**  
Ketua Penolong Pengarah, BMP



# NEWSLETTER

## GUNA TENAGA MENGIKUT ETNIK

### Pengenalan

Statistik yang dipaparkan adalah berdasarkan statistik guna tenaga yang dijana daripada Survei Tenaga Buruh (STB). Umur bekerja bagi analisis STB di Malaysia merujuk kepada ahli isi rumah yang berumur 15 hingga 64 tahun.

### Tenaga buruh

Tenaga buruh merujuk kepada penduduk dalam kumpulan umur bekerja sama ada bekerja atau menganggur.

### Konsep: Bekerja

Semua orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga sama ada sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri, atau pekerja keluarga tanpa gaji.

### Kumpulan etnik


Kumpulan etnik dikategorikan di kalangan warganegara Malaysia setelah mengasingkan bukan warganegara. Pengelasan tersebut adalah seperti berikut: Warganegara Malaysia dan Bukan Warganegara. Warganegara terdiri daripada Bumiputera, Cina, India dan Lain-lain.

### Nisbah Guna Tenaga kepada penduduk

Nisbah guna tenaga kepada penduduk adalah perkadaruan penduduk yang bekerja kepada jumlah penduduk dalam kumpulan umur bekerja. Nisbah yang tinggi menunjukkan perkadaruan penduduk bekerja yang tinggi bagi negara manakala nisbah yang rendah menunjukkan sebahagian besar daripada penduduk tidak terlibat secara langsung dalam aktiviti pasaran kerana menganggur atau berada di luar tenaga buruh.

## Tenaga Buruh


Tenaga buruh, Malaysia, 1982 - 2018



Bumiputera mencatatkan peningkatan secara konsisten dalam tenaga buruh. Peningkatan tertinggi bagi Bumiputera, Cina dan India adalah pada tahun 2000 iaitu 10.5%, 5.6%, 10.2% masing-masing. Manakala Lain-lain meningkat paling tinggi pada tahun 1993 (36.3%). **Bukan warganegara** pada tahun 1996 **meningkat lebih 80 peratus (86.8%)**


Penduduk Bekerja, Malaysia, 1982 - 2018

## Penduduk Bekerja




Majoriti etnik di Malaysia yang bekerja menunjukkan peningkatan setiap tahun kecuali **Lain-lain** yang menunjukkan penurunan paling tinggi (-63.3%) pada tahun 2000. **Bukan warganegara** mencatatkan peningkatan paling tinggi pada tahun 1996 (87.6%).

2



Nisbah guna tenaga kepada penduduk menunjukkan etnik **Cina** dan **Bukan Warganegara** mempunyai kadar penduduk bekerja yang tinggi bagi kumpulan umur **25-29 tahun**, masing-masing pada nisbah 88.9% dan 86.3%.



**Bumiputera (97.0%), Cina (96.5%)** dan **India (95.8%)** lelaki bekerja pada umur 35 – 39 tahun. Manakala, **lelaki bukan warganegara (98.3%)** mempunyai nisbah guna tenaga yang tinggi pada kategori umur 35 – 39 tahun dan 40 – 44 tahun.

Majoriti **perempuan etnik Bumiputera (69.9%), Cina (81.8%), India (78.3%)** dan **lain-lain (69.5%)** mempunyai nisbah guna tenaga yang tinggi dalam kumpulan umur 30 – 34 tahun. Manakala **perempuan bukan warganegara** mencatatkan 76.3% nisbah guna tenaga dalam kumpulan 20 - 24 tahun.

# Penduduk bekerja mengikut kumpulan etnik dan industri Malaysia, 2018

**TOP 3**

- Cina**
  - 01 ▪ Pembuatan (14.5%)  
▪ Perdagangan borong dan runcit; pumbaikan kenderaan bermotor dan motosikal (14.2%)  
▪ Pertanian, perhutanan dan perikanan (10.7%)
  - 02 ▪ Perdagangan borong dan runcit; pumbaikan kenderaan bermotor dan motosikal (29.0%)  
▪ Pembuatan (16.4%)  
▪ Pembinaan (10.2%)
  - 03 ▪ Pembuatan (22.5%)  
▪ Perdagangan borong dan runcit; pumbaikan kenderaan bermotor dan motosikal (15.5%)  
▪ Pengangkutan dan penyimpanan (12.6%)
  - 04 ▪ Perdagangan borong dan runcit; pumbaikan kenderaan bermotor dan motosikal (23.3%)  
▪ Pertanian, perhutanan dan perikanan (14.5%)  
▪ Pembuatan (11.9%)

## Bumiputera

01

- Pembuatan (14.5%)  
▪ Perdagangan borong dan runcit; pumbaikan kenderaan bermotor dan motosikal (14.2%)  
▪ Pertanian, perhutanan dan perikanan (10.7%)

02

## India

- Pembuatan (22.5%)  
▪ Perdagangan borong dan runcit; pumbaikan kenderaan bermotor dan motosikal (15.5%)  
▪ Pengangkutan dan penyimpanan (12.6%)

03

## Lain-lain

04

- Pembuatan (24.9%)  
▪ Pertanian, perhutanan dan perikanan (22.6%)  
▪ Perdagangan borong dan runcit; pumbaikan kenderaan bermotor dan motosikal (11.6%)

05

## Bukan Warganegara

06

- Pembuatan (24.9%)  
▪ Pertanian, perhutanan dan perikanan (22.6%)  
▪ Perdagangan borong dan runcit; pumbaikan kenderaan bermotor dan motosikal (11.6%)

## Penduduk bekerja mengikut sijil tertinggi diperoleh dan kumpulan etnik, Malaysia, 2018

Penduduk bekerja mengikut kumpulan etnik **Bumiputera, Cina, India dan lain-lain** menunjukkan sijil tertinggi diperoleh adalah **SPM atau yang setaraf**. Manakala, bagi **Bukan Warganegara** adalah **UPSR/UPSRA atau yang setaraf**.

SPM

- Bumiputera (44.8%)  
▪ Cina (42.2%)  
▪ India (40.4%)  
▪ Lain-lain (38.6%)


UPSR

- Bukan Warganegara (29.4%)

**Pekerja** mencatatkan taraf pekerjaan tertinggi bagi **semua kumpulan etnik** masing-masing.


- Bukan Warganegara (84.0%)  
• India (82.2%)  
• Bumiputera (70.4%)  
• Cina (67.2%)  
• Lain-lain (66.7%)

# Penduduk bekerja mengikut pekerjaan dan kumpulan etnik Malaysia, 2018




**Bumiputera, Cina** dan **Lain-lain** mencatatkan peratusan tinggi dalam kumpulan etnik masing-masing sebagai **pekerja perkhidmatan dan jualan** iaitu 23.8%, 25.5% dan 28.6%. **Operator mesin dan loji dan pemasang** (24.1%) merupakan pekerjaan tertinggi dalam kumpulan etnik **India**. **Pekerja asas** (38.1%) merupakan kategori pekerjaan yang didominasi oleh **Bukan Warganegara**.

## Penduduk bekerja mengikut etnik, Amerika Syarikat, 2017



<https://www.bls.gov/opub/reports/race-and-ethnicity/2017/home.htm>

## Penduduk bekerja mengikut etnik, United Kingdom, 2018



<https://www.ethnicity-facts-figures.service.gov.uk/work-pay-and-benefits/employment/latest#by-ethnicity>

**PENAFIAN:** Artikel dalam *newsletter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawalan pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan *newsletter* ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.